

Pembinaan Dua Laluan Monorel Pertama di Thailand



Dua laluan kereta api monorel pertama di Thailand sedang dibina untuk membantu meredakan kesesakan lalu lintas di Bangkok dan wilayah-wilayah bersebelahan, serta memudahkan perjalanan penumpang.

Perdana Menteri Jeneral Prayut Chan-o-cha pada 27 Ogos 2018 mempengerusikan upacara pelancaran pembinaan dua laluan monorel. Pink Line adalah dari Khae Rai ke Min Buri dan Yellow Line dari Lat Phrao ke Samrong.

Menurut Menteri Pengangkutan Arkhom Termpittayapaisith, pembinaan kedua-dua laluan itu adalah projek perintis yang dilaksanakan di bawah dasar Kerajaan "jalan cepat perkongsian awam-swasta." Dalam dasar ini, sektor swasta dibenarkan bergabung dengan sektor awam untuk melabur dalam projek infrastruktur pengangkutan utama.

Mass Rapid Transit Authority of Thailand menandatangani perjanjian pelaburan dengan Syarikat Monorel Bangkok Utara untuk Pink Line. Sementara Yellow Line, pula menandatangani perjanjian dengan Eastern Bangkok Monorail Company.

Kedua-dua syarikat akan melabur dalam projek tersebut untuk jangka masa 33 tahun dan tiga bulan. Projek ini terbahagi kepada dua fasa. Fasa pertama berlangsung selama tiga tahun dan tiga bulan dan melibatkan reka bentuk dan kerja-kerja awam. Fasa kedua berlangsung selama 30 tahun dan melibatkan perkhidmatan dan penyelenggaraan monorel.

Pink Line sejauh 34 kilometer dan mempunyai 30 stesen. Yellow Line sejauh 30 kilometer, mempunyai 23 stesen. Kedua-dua laluan ini dijangka akan siap pada tahun 2021 dan akan memulakan perkhidmatan pada awal 2022.

Perdana Menteri Jenderal Prayut Chan-o-cha mengatakan bahawa kerajaan memasukkan pembangunan sistem transit cepat besar-besaran dalam Strategi Nasional 20 tahunnya. Sistem ini akan membantu meningkatkan daya saing negara dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Kedua-dua laluan monorel akan meningkatkan kecekapan rangkaian pengangkutan di Bangkok dan wilayah berdekatan. Sistem tiket yang biasa juga akan digunakan untuk memudahkan perjalanan bagi semua pengguna.

Tarikh Diterbitkan: 6 September 2018